

PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menjalankan Siasatan Awam mulai **1 Oktober 2012**. Kertas Siasatan Awam seperti tajuk di bawah telah diterbitkan di laman web SKMM: <http://www.skmm.gov.my>.

KERTAS SIASATAN AWAM MENGENAI KAJIAN SEMULA HARGA CAPAIAN

Siasatan Awam ini diadakan untuk mengumumkan dan mempelawa pandangan orang ramai terhadap kajian kos dan cadangan harga capaian untuk tahun 2013-2015. Harga capaian berdasarkan kos akan menggalakkan pelaburan serta meningkatkan penyertaan syarikat baru di dalam pasaran yang akan membawa persaingan yang baik.

Pihak SKMM mempelawa orang ramai untuk menyertai Siasatan Awam ini dengan mengemukakan ulasan bertulis mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam Kertas Siasatan Awam, terutamanya soalan khusus yang ditanya dan pandangan awal SKMM. Orang ramai juga dipelawa untuk membuat ulasan mengenai rasional dan analisis yang digunakan dalam Kertas Siasatan Awam walaupun soalan khusus tidak dibangkitkan mengenai perkara tersebut.

Pihak yang mengemukakan ulasan adalah digalakkan untuk menyokong ulasan masing-masing dengan alasan dan di mana berkenaan, memberi atau merujuk kepada bukti atau maklumat lain yang berkaitan.

Semua ulasan bertulis mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam Kertas Siasatan Awam hendaklah dihantar secara bertulis dan secara elektronik kepada alamat dan e-mel di bawah pada atau sebelum **12.00 tengah hari, Rabu, 14 November 2012**.

SKMM juga akan mengadakan sesi penjelasan dan orang ramai adalah dijemput untuk menghadirinya. Orang ramai yang menyertai sesi tersebut boleh memberi ulasan lisan dan mengemukakan soalan mengenai perkara yang berkaitan dengan Kertas Siasatan Awam. Sesi penjelasan ini akan diadakan di Auditorium SKMM, Cyberjaya pada **9.30 pagi, Rabu, 24 Oktober 2012**.

Sesiapa yang ingin menghadiri sesi penjelasan dikehendaki mendaftar dengan pihak SKMM secara bertulis atau secara elektronik pada atau sebelum **12.00 tengah hari, Selasa, 16 Oktober 2012** kepada alamat atau e-mel di bawah. Orang ramai yang ingin mengemukakan soalan semasa sesi penjelasan tersebut mengenai perkara yang berkaitan dengan Siasatan Awam perlulah menghantar soalan-soalan tersebut secara bertulis atau secara elektronik kepada alamat atau e-mel di bawah pada atau sebelum **12.00 tengah hari, Selasa 16 Oktober 2012**.

Pengerusi

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan**

Tel: +603 86 88 80 00

Faks: +603 86 88 10 01

E-mel: accessprice@cmc.gov.my

Untuk perhatian: Cik Janakky Raju/Cik Long Hui Ching/Cik Karen Woo

www.skmm.gov.my